



## SIARAN MEDIA

### PENYERAHAN PERALATAN BENGKEL TAJAAN PROGRAM CAKNA PRIHATIN

**KOTA BHARU, KELANTAN** – Baru setahun mencorak kerjaya, seorang pemuda berdepan liku getir kehidupan apabila **disahkan mengalami hilang upaya, namun kecekalan dan semangat tinggi Encik Tengku Mohamad Amirul Akmal bin Tengku Ruslan** beliau bangkit menongkah cabaran hidup.

Pada April 2022, beliau dirujuk kepada PERKESO melalui Klinik RESTART (ReEmployment Support, Treatment and Rehabilitation Teamwork) selaras kelayakannya sebagai pencarum untuk memperoleh **faedah Skim Keilatan menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)**. Klinik RESTART merupakan kerjasama pintar antara Cawangan Return to Work PERKESO bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tujuan penempatan pekerjaan. Pendekatan ini dipilih selaras usia beliau yang masih muda dan bermotivasi untuk bekerja dan hasilnya, Encik Tengku Mohamad Amirul Akmal ditempatkan bekerja sebagai Pekerja Am di sebuah syarikat pemasaran telefon pintar.

Bagaimanapun, beliau diberhentikan kerana dimaklumkan oleh majikan bahawa syarikat terbabit tidak menerima pekerja yang alami hilangupaya sejak 5 Disember 2014. Hasil bimbingan dan penyelarasan daripada Pengurus Kes dan Pihak Hospital, beliau akhirnya mendapat suntikan semangat baharu untuk mengusahakan perniagaan bengkel kereta (Amirul Aircond Services), sejak 26 Mac lalu berbekalkan kepakaran dan kemahiran ditimba menerusi pengajian Diploma Kejuruteraan Mekanikal sebelum ini.

Meraih pendapatan lebih RM1,000 sebulan, beliau kini lebih komited dalam melaksanakan perusahaannya, selain mendapat bimbangan melalui RTWPreneur PERKESO. Kagum terhadap kecekalan pemuda berusia 33 tahun ini, **Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed**, hari ini menziarahi Encik Tengku Mohamad Amirul Akmal, di Bengkel Kereta (Amirul Aircond Services) Lot 257, Kampung Hutan Banggol, Jalan Pantai Cahaya Bulan, di sini, sambil menyerahkan **peralatan bengkel kereta tajaan Program Cakna Prihatin, dengan nilai keseluruhan berjumlah RM4,060**. Turut hadir adalah **Pengarah Tabung Haji Negeri Kelantan, Tuan Hj. Mohamad Zahir Bin Hussin @ Yusof**. Demi memperkasa asas kemahiran dan memangkin perkembangan perusahaan bengkel yang mampan, Encik Tengku Mohamad Amirul Akmal dijadual untuk mengikuti Kursus Asas Keusahawanan.

**Return To Work (RTW)** merupakan program pengurusan hilang upaya yang dilaksanakan PERKESO dalam membantu pencarum yang cedera atau menghidapi penyakit untuk dipulihkan dan kembali semula bekerja lebih awal, sihat dan selamat. Setiap pencarum PERKESO yang mengikuti program ini akan melalui proses pemulihan sistematik dan berteraskan konsep biopsikososial merangkumi faktor biofizikal, psikologikal dan sosial yang perlu ditangani dalam membantu mereka kembali semula bekerja. Perlindungan keselamatan sosial disediakan PERKESO kepada pekerja yang terbencana bukan sahaja meliputi **pampasan kewangan seperti bayaran faedah**, tetapi juga **peralatan pemulihan dan perubatan serta rawatan rehabilitasi dan menerusi Program RTW**.

PERKESO kini melindungi golongan pekerja dalam sektor formal, pekerja domestik, pekerja asing, individu bekerja sendiri dan golongan suri rumah. Perlindungan ini disediakan menerusi **Akta 4, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)**, **Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)** dan **Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838)**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi talian **Careline PERKESO 1-300-22-8000**.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**6 Ogos 2023**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-6193181

[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)